

PETALING JAYA, 10 OKTOBER (BERNAMA) <sup>1976</sup> -- TIMBALAN PERDANA MENTERI DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENYERU PARTI-PARTI POLITIK DAN PERSATUAN YANG BERCORAK PERKAUMAN SUPAYA MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN NEGARA DARIPADA KEPENTINGAN KUMPULAN TERTENTU.

+KITA SEMUA PATUT MENUMPUKAN USAHA DAN TENAGA MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH NEGARA DARI SEMATA-MATA MELIBATKAN DIRI DALAM KUMPULAN TERTENTU DEMI KEPENTINGAN GOLONGAN YANG KECIL. KEPENTINGAN NEGARA MESTILAH MENGATASI SEGALA-GALANYA, + KATANYA.

PARTI-PARTI POLITIK DAN PERTUBUHAN SEPERTI ITU MEMAINKAN PERANAN KHUSUS UNTUK MENANAMKAN SEMANGAT BERTANGGUNGJAWAB KEPADA NEGARA DAN RAKYAT SELURUHNYA DI KALANGAN AHLI-AHLI, KATANYA KETIKA MERASMIKAN PERHIMPUNAN DUA TAHUNAN KONGRES CEYLON MALAYSIA DI HOTEL JAYAPURI DI SINI.

BELIAU PERCAYA SELAGI KEPIMPINAN DI DALAM PARTI-PARTI ITU MASIH DIKENDALIKAN OLEH ORANG-ORANG YANG TAHU DAN FAHAM TENTANG MASA HADAPAN NEGARA, MAKA TIDAK AKAN TIMBUL PERASAAN CURIGA DI ANTARA BERBAGAI KUMPULAN. --BERSAMBUNG 1523/1B

EE

B547

MAHATHIR-CEYLON 2 PETALING JAYA

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENINGATKAN BAHAWA PANDANGAN SEMPIT YANG DIBANGKITKAN DARI PERJUANGAN YANG DIASASKAN KEPADA PERASAAN DAN EMOSI SESUATU GOLONGAN AKAN MENIMBULKAN SUASANA YANG TIDAK ATABIL DI DALAM NEGARA.

DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA TUGAS MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT DALAM USAHA HENDAK MENCAPAI KEADILAN DAN PERSAMAAN UNTUK SEMUA TIDAK AKAN DIJALANKAN DENGAN CARA MERAMPAS HARTA MEREKA YANG TELAH SEDIA KAYA DAN BERKEMAMPUAN.

+KERAJAAN TIDAK BERCADANG HENDAK MEMBELAKANGKAN HAK-HAK SEPERTI YANG TERJAMIN DALAM PERLEMBAGAAN DALAM USAHA MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT.

+USAHA TERSEBUT AKAN DILAKSANAKAN MELALUI MENGWUJUDKAN PERSEFAHAMAN YANG LEBIH BAIK BERASASKAN BERBAGAI DASAR KERAJAAN YANG DIAMALKAN DI NEGARA INI.+

KATANYA TETAPI TIDAK DAPAT DIELAKKAN BAHAWA DALAM USAHA HENDAK MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT, MAKA AKAN ADA MEREKA YANG TIDAK DAPAT MENENKMATI KEISTIMEWAAN DAN KEDUDUKAN SEPERTI YANG DIRASAKAN SEBELUMNYA KERANA +PERSAMAAN TIDAK AKAN DAPAT DIWUJUDKAN SEKIRANYA SESEORANG ITU TIDAK DAPAT MEMBERI APA YANG ADA PADANYA.+

--BERNAMA 1532/1B

+TERPULANGKAH KEPADA MEREKA YANG AKAN MENANGGUNG SEDIKIT KEKURANGAN DALAM PROSES PENYUSUNAN SEMULA INI UNTUK MENERIMA HAKIKAT YANG TIDAK DAPAT DIELAKKAN INI.+ 56

BELIAU BERKATA NEGARA MENGHADAPI BANYAK CABARAN DALAM USAHA HENDAK MEMBINA MASYARAKAT YANG LEBIH BAIK DAN MUSUH-MUSUH NEGARA SEMATA-MATA Mencari peluang untuk melihatkan usaha mengatasi cabaran ini menemui kegagalan.

+KITA SEKARANG PERLU LEBIH BERWASPADA DARIPADA DULU DAN MENGELAKKAN DIRI DARI TERMASUK DALAM PERANGKAP PERPECAHAN KAUM YANG DILAKUKAN OLEH MUSUH-MUSUH KITA TERUTAMA SEKALI KOMUNIS,+ KATANYA.

SEBELUM ITU DR. MAHATHIR MENERIMA DUA KEPING CEK DARIPADA PRESIDEN MCC, SEN. DR. C. SINNADURAI, IAITU \$620 UNTUK TABUNG PEMULIHAN TUGU PERINGATAN NEGARA DAN \$1,001 LAGI BAGI YAYASAN TUN RAZAK.

DR. SINNADURAI YANG MENANG TANPA BERTANDING UNTUK JAWATAN PRESIDEN SELAMA DUA TAHUN LAGI, BERIKRAR MEMBERIKAN TAAT SETIA RAKYAT MALAYSIA KETURUNAN CEYLON KEPADA RAJA DAN NEGARA DAN MENYOKONG USAHA PEMBANGUNAN KERAJAAN. --BERNAMA 1550/1B